

BAB 2: TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN

2.1 PENGENALAN

Dalam bab ini, penyelidik akan membincangkan teori metafora yang “populer” dalam bidang bahasa figuratif. Teori metafora terbahagi kepada 4 kategori iaitu teori emotif, teori “supervenient”, teori yang berteraskan kontroversi atau kemustahilan logikal dan juga teori metafora penggantian. Oleh kerana penyelidikan ini mengfokuskan kepada metafora kata nama dan kata sifat maka, penyelidik akan membincangkan makna kata nama dan kata sifat dalam bahagian ini juga. Di samping itu, sifat dan keunikan serta kumpulan kata nama dan kata sifat akan diterangkan.

Penakrifan metafora adalah berbeza-beza mengikut linguis yang berlainan. Dalam bab ini, penyelidik membincangkan definisi yang diberikan oleh para linguis kepada metafora dan juga kategorinya.

Kajian yang dilakukan oleh penyelidik ini adalah berdasarkan satu buku. Pendekatan seperti ini pernah digunakan oleh Doshi (1997) yang mengkaji kamus yang mempunyai catatan dua bahasa, iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia. Beliau mengkaji lexis yang berkaitan dengan wanita. Beliau mengenalpasti 220 item leksikal yang merujuk kepada wanita atau perkataan wanita yang telah dianalisis.

Seorang lagi penyelidik Ahmad (1998), beliau telah menjalankan satu penyelidikan berasaskan novel yang berjudul *Salina*. Beliau mengkaji ayat tanya jawab yang wujud dalam buku *Salina* dan mengenalpasti semua ayat tanya jawab yang wujud dalam teks itu. Beliau menjalankan kajian ini melalui 2 tahap iaitu kajian perpustakaan dan analisis data. Novel ini dipilih oleh beliau kerana hasil ini merupakan novel yang pertama meningkatkan martabat kesusasteraan Melayu ke tahap antarabangsa.

Ahmad (1998) juga telah melakukan temubual dengan penulis *Salina* iaitu A. Samad Said. Beliau telah memberitahu sebab beliau memilih teks *Salina* sebagai sampel kajian. Kerja halus yang dilakukan oleh pengkaji ini akan dijadikan sebagai contoh bagi kajian ini.

2.2 METAFORA

Penyelidikan ini berfokus kepada penggunaan metafora dalam buku cerpen yang dikaji. Bukan sahaja penakrifan linguist terhadap metafora adalah berbeza, pengelasan metafora bagi setiap linguist juga berbeza. Makna dan perkembangan bagi ilmu metafora semakin berkembang mengikut putaran masa dan zaman. Teori yang dikemukakan oleh para linguist juga semakin menghayakan kerana idea yang baru semakin dipelopori.

2.2.1 DEFINISI METAFORA

Metafora merujuk kepada bahasa figuratif, misalnya pengumpamaan, personifikasi dan mitos yang merupakan bahasa kiasan. Bahasa kiasan ialah fenomena di mana rupa bentuk sesuatu material akan dipersembahkan dengan refleksi sesuatu objek dari segi fizikalnya. Contohnya :X adalah seperti Y. Sewell (1964:42-43) berpendapat bahawa pembentukan bagi metafora adalah bergantung kepada seseorang untuk menghiasi idea yang ingin disampaikan itu (Sewell, 1964: 42-43).

Menurut Hawkes (1971:1-2), metafora, secara tradisinya, diambil dari bentuk asas bahasa figuratif. Bahasa figuratif sebenarnya adalah bahasa yang tidak mempunyai makna kepada apa yang dipertuturkan. Contohnya, 'kereta tidak memakai topi bonet' dan 'lelaki bukan kapal' serta 'masa bukan sungai'. Mengikut Hawkes (1971:2), bahasa yang memberi makna kepada apa yang dituturkan itu biasanya menggunakan "deria standard" yang boleh menyampaikan makna dalaman melalui praktik. Penggunaan metafora adalah bertujuan untuk mendeskripsikan sifat sesuatu objek yang dilihat itu dengan sifat objek yang lain bagi maksud menyampaikan makna yang tersirat. Hawkes (1971:2) berkata bahawa perpindahan bahasa yang pelbagaian itu boleh dinamakan sebagai bahasa figuratif di mana makna bahasa tersebut dapat menimbulkan tahap kesusasteraannya. Selain itu, penggunaan metafora juga

merupakan satu proses yang cuba memindahkan sesebuah fikiran metafora dengan menggunakan dua objek sebagai berganti semasa pertuturan.

Menurut Ricoeur (1978:3) pula penggunaan metafora juga mengambil kira perkataan sebagai unit untuk rujukan. Metafora boleh dikelaskan sebagai perkataan tunggal yang mempunyai makna figuratif. Penggunaan metafora sebagai satu teknik untuk mencantikkan bahasa dengan menggunakan persamaan dua objek. Menurut Ricoeur (1978:3-4) lagi, Aristotلهlah yang merupakan orang yang pertama memberikan definisi kepada istilah metafora. Aristotle telah mengkaji metafora berdasarkan asas semantik dan dia juga menganggap perkataan sebagai satu unit dalam bahasa. Aristotle menganalisis metafora mengikut dua prinsip iaitu retorik dan puisi.

2.2.2 KATEGORI METAFORA

Menurut Rose (1958:19), penggunaan metafora boleh dikaji mengikut kumpulan tatabahasa, iaitu seperti berikut:

1. Metafora kata nama
2. Metafora kata kerja
3. Metafora kata sifat
4. Metafora kata keterangan
5. Metafora kata depan

Pada pandangan Rose (1958:238-239) kata sifat merupakan kelas kata yang tidak stabil dalam bahasa kerana kata sifat boleh diaplikasikan dengan meluas dalam bahasa. Maka, Rose berkata adalah paling senang bagi kelas kata ini memainkan fungsi metaforik. Kelas kata sifat juga boleh dimainkan oleh penulis kerana ciri-ciri kelas kata ini boleh digabung dan guna dengan sesuka hati di samping kata nama, contohnya, "sweet house" (rumah manis) tanpa memikirkan asal-usul bagi perkataan kata sifat dan kesesuaiannya dengan penggabungan dengan rumah. Ciri-ciri kelas kata sifat yang meluas ini dapat menjana makna metafora yang paling luas berbanding dengan kelas kata yang lain (Rose , 1958:238-239).

Rose juga menyatakan bahawa metafora didapati wujud dengan kerap dalam kelas kata nama berdasarkan beberapa syarat. Beliau telah membahagikan kata nama yang membawa makna metafora kepada beberapa kumpulan (1958:265-270) iaitu:

1. Subjek boleh merupakan satu metafora. Contohnya: "Breathe, body of lovely death", di mana kata kerja "Breathe" menghubungkan kata nama "body of lovely death" dengan makna metaforik.
2. Secara tidak langsung objek itu juga satu metafora. Contohnya: "my heart is in prison" di mana kata kerja, "is in prison" itu membawa makna metaforik dan

menghubungkan subjek “my heart” yang dihubungkan dengan satu objek secara tidak langsung.

3. Subjek dan objek dengan tidak secara langsung, menjadi metafora. Contohnya: “On the sweet spoil of beauty, the wings of my thought did prey”. Untuk menjana metafora seperti ini adalah satu perkara sukar tetapi ia boleh dilakukan. Konsep yang dinyatakan oleh Rose agak bercampur. Kata kerja yang dikatakan tidak berciri metaforik itu telah dihubungkan dengan objek yang tidak dikait secara langsung dengan makna kata kerja yang hendak disampaikan dan hubungannya membawa makna metaforik yang dikaitkan dengan subjek yang metaforik. Dalam contoh yang diberi, sayap kebebasan itu sebenarnya tidak boleh dibunuh. Logik makna yang ingin dicapai itu agak pelik.

Hawkes (1971:2-3) membahagikan metafora mengikut sifat metafora yang memainkan peranan sebagai bahasa figuratif. Menurut Hawkes (1971:2-3) ,metafora boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan yang utama iaitu :

1. Pengumpamaan: pengumpamaan merupakan jenis metafora yang mempunyai kemungkinan di mana konsep sesuatu objek dipindahkan kepada sesuatu objek yang lain melalui penggantian. Contohnya :’ topi bonet kereta’ menerangkan konsep penutup enjin bagi kereta. Pengumpamaan memindahkan konsep bagi sesuatu yang menutup kereta. Makna metafora

itu boleh dijelaskan dengan penggunaan kata “seperti”, dan “seumpama”. Ayat tersebut diatas telah memindahkan idea bagi penutup enjin kereta di mana ‘topi bonet’ yang menutup kepala wanita telah dipindah kepada penutup enjin kereta. Penggunaan pengumpamaan dapat menjana kesan yang bagus kerana dapat memberikan makna atau idea yang jelas melalui imej sesuatu benda yang boleh mewakili benda yang dipertuturkan.

2. “Synecdoche”: “Synecdoche” berasaskan perkataan Yunani “synekdechethai” yang bermakna “menerima bersama”. Perpindahan makna dilakukan dengan menggunakan sebahagian daripada sesuatu objek yang boleh menonjolkan kualiti atau keunikan bagi objek yang dimaksudkan itu, untuk menerangkan objek itu. Contohnya, “20 musim mewakili 20 tahun”, “10 tangan mewakili 10 orang.” “Synecdoche” mengambil satu bahagian dari sesuatu objek A untuk mewakili keseluruhan objek A, contohnya “4 roda” menggunakan sebahagian dari kereta iaitu roda untuk mewakili sebuah kereta seperti: “Itu 4 roda saya yang baru” bermakna “Itu kereta baru saya.”
3. Metonimi: Metonimi juga berasal dari perkataan Yunani iaitu “metonymia” yang bermakna bertukar nama. Metonimi ialah penggunaan metafora yang menggantikan sifat sesuatu objek dengan sifat objek lain yang berkaitan. Contohnya “Rumah Putih” merujuk kepada President Amerika Syarikat. Metonimi menggunakan objek A untuk mewakili objek B. Contohnya menggunakan “bangsa Naga” mewakili “bangsa Cina”.

Ricouer (1978: 16-19) telah membahagikan metafora kepada kumpulan mengikut ciri-ciri metafora. Menurut beliau metafora boleh dikelaskan kepada tiga kumpulan.

1. Metafora kata nama: metafora mempunyai hubungan yang rapat dengan kata nama. Idea ini telah dikemukakan oleh Aristotle yang sejak beberapa abad yang dahulu. Aristotle mendefinisikan metafora dengan berdasarkan perkataan. Untuk mengesan metafora, fokus perlu dirujuk kepada bahasa figuratif yang wujud di antara perkataan sesuatu penulisan. Ini dapat menyempurnakan kerja penyisihan metafora secara saintifik. Contohnya: “senyuman bunga”. Hanya manusia mempunyai “senyuman”, bunga mempunyai “senyuman” bukan disebabkan bunga itu “senyum” tetapi orang yang melihat bunga itu berada dalam kegembiraan.
2. Metafora dalam pergerakan: Sesuatu bentuk perkataan itu akan menunjukkan penggantian dengan kehadiran perkataan seperti “dari...kepada”. Gaya ayat seperti ini dapat mengetatkan struktur pembentukan metafora. Terdapat 3 anggapan bagi metafora dalam kumpulan ini. Yang pertama ialah bahawa metafora ialah satu pinjaman. Contohnya:” kuda merajuk”. Tindakan “merajuk” telah dipinjam kepada kuda. Yang kedua ialah makna yang disampaikan dengan mempunyai makna konotasi.

Contohnya: “pokok mati dalam arus perkembangan.” Dari segi makna denotasi bermakna pokok kekurangan keperluan kehidupan dan dengannya layu pada zaman yang semakin berkembang ini. Dari segi makna konotasi, perkembangan telah menyebabkan penebangan pokok secara besar-besaran, hutan khazanah turut terkorban. Yang ketiga ialah bahawa metafora akan mengambil alih tempat objek yang dituturkan. Contohnya: “Kamu adalah matahari saya.” “Matahari” yang selalu bersinar ke arah saya. “Kamu” telah diambil alih oleh “matahari”.

3. Metafora mengubahkan nama sesuatu objek kepada objek “alien”. “Alien” di sini merujuk kepada nama bagi objek yang lain. Metafora jenis ini menggunakan cara yang bertentangan dengan ciri yang biasa bagi sifat sesuatu objek. Metafora adalah cara penyimpangan bagi sesuatu perkataan dalam proses penyampaian makna. Contohnya: Tidur dalam kotak buat seumur hidup. “Kotak” di sini merujuk kepada “keranda”. “Kotak” ialah objek “alien” yang telah mewakili “keranda”.

Ricouer (1978: 16-19)

Ricoeur (1978:16) merumuskan kata nama dan kata sifat dua jenis kelas kata yang kerap digunakan untuk maksud metafora. Untuk mengenalpasti kedua-dua kelas kata ini, adalah penting bagi penyelidik memahami sifat-sifat dan keunikan bagi setiap kelas kata tersebut.

Lakoff (1993) menyatakan bahawa metafora itu adalah satu konsep dasar yang wujud dalam pemikiran dan bahasa. Beliau membahagikan metafora itu kepada 2 tahap iaitu tahap temurun (generic-level) dan tahap khusus (specific-level) . Metafora pada tahap temurun merupakan metafora yang tidak ada sempadan budaya. Metafora pada tahap ini menyampaikan makna melalui konsep. Contohnya: “matahari bersinar” memberi konsep “harapan” kepada orang ramai. Ini disebabkan matahari terbit pada pagi setiap hari di mana pagi itu merupakan permulaan bagi setiap hari (Lakoff, 1993: 230-238).

Metafora tahap khusus lebih cenderung kepada konsep stereotaip yang disampaikan melalui sesuatu perkataan. Contohnya: “dia menyalak terhadap saya.” Pada konsep kita, hanya “anjing” yang “menyalak”. Maka apabila seseorang itu dikatakan menyalak, ia menunjukkan bahawa orang tersebut bertingkah laku kurang ajar (Lakoff, 1993: 230-238).

2.3 TEORI-TEORI MENGENAI METAFORA

Terdapat beberapa teori yang berkaitan dengan metafora iaitu: (Shibles, 1971:63-73)

1. Teori emotif
2. Teori “supervenient”
3. Teori metafora yang berteraskan kontroversi atau kemustahilan logikal

4. Teori metafora penggantian

1) Teori emotif

Teori emotif menyatakan bahawa metafora tidak mempunyai makna yang jelas dan kognitif. Metafora adalah salah satu contoh bagi bahasa emotif. Shibles(1971) menyatakan bahawa Carnap (1958) telah meluahkan pandangannya terhadap semiotik yang sebanding dengan Teori Emotif ini. Carnap (1958) berkata bahawa semiotik mempunyai dua jenis makna iaitu 1)menandakan dan 2)emotif (Shibles, 1971: 64).

2) Teori “supervenient”

Teori “supervenient” mengaitkan metafora dengan kata kiasan. Menurut teori ini, metafora boleh menyampaikan sesuatu makna yang tidak boleh disampaikan oleh bahasa kesusasteraan. Maka metafora adalah sama dengan idiom. Pembaca bergantung kepada gerak hati untuk memahami makna metafora. Contohnya: Napoleon ialah seekor serigala. Secara automatik, pembaca akan faham bahawa Napoleon itu seorang yang jahat kerana persamaan telah diwujudkan antara “Napoleon”dengan “Serigala”(Shibles, 1971:65).

3) Teori metafora yang berteraskan kontroversi atau kemustahilan logikal

Teori metafora yang berteraskan kontroversi atau kemustahilan logikal menerangkan cara satu kaedah membentuk metafora dengan melalui

bahasa yang senang difaham dan tidak bersifat kesusasteraan. Teori ini menekankan bahawa metafora itu mempunyai makna denotasi dan konotasi. Teori ini menekan kepada pemikiran dan penggabungan yang logik di antara dua objek. Metafora juga mempunyai dua bahagian dan kedua-dua bahagian ini berinteraksi antara satu sama lain. Contohnya: “bumi itu air”. Menurut teori ini, ayat ini tidak membawa sebarang makna kerana air dengan bumi itu tidak mempunyai hubungan secara langsung maka pembaca tidak dapat faham makna yang ingin disampaikan melalui ayat ini (Shibles, 1971:67).

4) Teori Metafora Penggantian

Teori Metafora Penggantian pula, sama dengan pengumpamaan. Menurut teori ini, perkataan yang mempunyai makna “seperti” diperlukan dalam ayat. Contohnya: Napoleon seperti serigala. Dengan menggunakan pengumpamaan, sesuatu objek yang dituturkan itu mempunyai ciri dengan objek yang diumpamakan dengan luas (Shibles, 1971:63-73).

Perkataan metafora merujuk kepada set linguistik yang unik di mana satu aspek sesuatu objek dibawa kepada satu objek yang lain. Maka, objek kedua yang dinyatakan itu adalah seperti kenyataan objek pertama yang telah dirujuk. Terdapat banyak jenis metafora dan bilangan objek yang terlibat dalam proses pemindahan aspeknya boleh melebihi satu (Hawkes, 1977: 1).

Metafora adalah penting dalam kehidupan orang ramai dan penulis. Metafora tidak terhad dipersembahkan dalam sajak dan lirik sahaja, malah manakala metafora juga adalah berperanan penting dalam pembentukan pengertian dan konsep serta pengalaman. Jika kita mengubah konsep metafora yang ingin disampaikan maka bingkai pemikiran juga akan diubah. Maka, adalah penting untuk mengubah konsep kepada sesuatu yang mungkin dicapai melalui metafora (Owen, 2001:xv).

2.4 KATA NAMA 名词

Luo (1993:147) menyatakan bahawa kata nama ialah sebuah kelas kata yang mewakili orang dan hal dalam bahasa Cina. Pengkelasan kata nama dalam bahasa Cina boleh dibahagikan kepada 4 kumpulan.

Jadual 2.1: Pengelasan kata nama mengikut Luo (1993:148)

Jenis	Contoh
Kata nama konkrit yang mewakili orang dan hal-ehwal 具体名词表示人和事物的	Orang, buku, pokok, pelajar, muzium, udara, negara 人, 书, 树, 学生, 博物院, 空气, 国家
Kata nama abstrak yang mewakili perkara yang abstrak 抽象名词表示抽象事物的	Pendidikan, adat-istiadat, konsep, hubungan, kesopanan 教育, 文化, 概念, 关系, 礼貌
Kata nama masa yang mewakili masa 时间名词表示时间的	Tahun lepas, semalam, tadi, hari merdeka, musim bunga 去年, 昨晚, 刚才, 国庆日, 春天
Kata nama tempat yang mewakili tempat 处所名词表示处所的	Sekeliling, Asia, luar bandar 周围, 亚洲, 郊区

Oleh sebab kajian terhadap metafora kata nama dilahirkan maka adalah penting bagi penyelidik mengenalpasti kelas kata nama dan kata sifat. Menurut Luo (1993:148-156) untuk mengenalpasti kata nama dan kata sifat dalam bahasa Cina, adalah penting untuk mengetahui sifat-sifat dan juga keunikan kelas kata tersebut.

Sifat-sifat dan keunikan kelas kata nama dalam bahasa Cina adalah seperti berikut:

1. Penambahan “*men*” (们) yang digunakan untuk menunjukkan bilangan orang yang ramai. Contohnya: *lao shi men* (老师们) (guru-guru), *tong xue men* (同学们) (rakan-rakan)
2. Kata nama ada yang boleh dihiasi bersama “*men*” (们) dan kata bilangan, ada yang tidak boleh. Kata nama yang tidak boleh dihiasi bersama kata bilangan dan “*men*” (们). Boleh dicontohi : **shi ge hai zi men* (十个孩子们) (sepuluh kanak-kanak sekalian). Kata nama yang boleh dihiasi oleh kata bilangan dan “*men*” (们) adalah seperti: **na xie xiao fan men* (那些小贩们) (penjaja-penjaja itu sekalian)

3. Sesetengah kata nama tidak boleh ditambah “*men*”(们), tetapi boleh dihiasi oleh kata bilangan. Contohnya : *liang zhong li xiang* (两种理想) (dua jenis aspirasi)

4. Kata nama yang tidak boleh digandakan, tetapi ada pengecualian bagi perkataan yang tertentu. Contohnya perkataan yang tidak boleh digandakan: **xue xiao xue xiao* (学校学校) (sekolah-sekolah), **qi che qi che* (汽车汽车) (kereta-kereta), ini adalah kerana penggandaan perkataan tersebut adalah tidak mematuhi peraturan tatabahasa dalam bahasa Cina. Untuk mewakili sekolah yang banyak, akan ditulis sebagai “*hen duo xue xiao*” (很多学校) (banyak sekolah) dan dalam tatabahasa bahasa Cina tidak pernah wujud penggunaan perkataan seperti **xue xiao xue xiao* (学校学校) (sekolah-sekolah). Contoh perkataan yang boleh digandakan: *jia jia* (家家) (rumah-rumah) yang bermakna setiap rumah, *ren-ren* (人人) (orang orang) yang bermakna setiap orang.

5. Kata nama yang biasanya tidak boleh dihiasi oleh kata keterangan,tetapi ada juga pengecualiannya. Contoh kata nama yang tidak boleh dihiasi oleh kata keterangan: **bu si xiang* (不思想) (tidak pemikiran), **bu zuo pin* (不作品) (tidak mengkarya). Contoh kata nama yang boleh dihiasi oleh kata keterangan: *zui wai bian* (最外边) (paling luaran), *bu min zhu* (不民主) (tidak demokrasi).

6. Kata nama yang boleh dihiasi oleh kata bilangan. Contohnya: *yi feng xin* (一封 信) (sepucuk surat), *yi ge ping guo* (一个 苹果) (sebijil epal).
7. Kata nama yang boleh dihiasi oleh kata adjektif, kata nama, kata kerja dan kata ganti. Contohnya: *bi sai xiang mu* (比赛 项目) (acara pertandingan), *shen me shu* (什么 书) (buku apa).

2.5 KATA SIFAT 形 容 词

Dalam konteks kajian ini, kata sifat merujuk kepada kata adjektif. Menurut Luo (1993:155), kata sifat terbahagi kepada 4 kumpulan iaitu kata sifat yang mewakili kualiti, kata sifat yang mewakili bentuk, kata sifat yang mewakili keadaan dan kata sifat yang mewakili bilangan. Menurut Luo (1993:155) lagi, kata sifat ialah kelas kata yang digunakan untuk mewakili sifat seseorang, benda, perkara. Kata sifat dikategorikan kepada 4 jenis, iaitu seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Jadual 2.2: Pengelasan kata sifat mengikut Luo (1993:155)

Jenis	Contoh
<p>Kata sifat yang mewakili kualiti</p> <p>表示性质的</p>	<p>Sejuk,panas,baik,rosak,manis,masam.</p> <p>冷,热,好,坏,甜,酸</p>
<p>Kata sifat yang mewakili bentuk</p> <p>表示形状的</p>	<p>Tinggi,rendah,panjang,pendek,halus.</p> <p>高,低,长,短,细</p>
<p>Kata sifat yang mewakili keadaan</p> <p>表示状态的</p>	<p>Cepat,lambat,pantas,cerdas,diam,cemas</p> <p>快,慢,急,敏捷,安静</p>
<p>Kata sifat yang mewakili bilangan</p> <p>表示数量的</p>	<p>Banyak,sedikit,sebilangan,semua,ramai.</p> <p>多,少,些许,全部,很多</p>

Sifat-sifat dan keunikan kata sifat dalam bahasa Cina ialah:

1. Kebanyakannya boleh digandakan. Contohnya: *gan gan jing jing* (干干净净) (bersih-bersih) bermakna sangat bersih, *xue bai xue bai* (雪白雪白) (putih-putih) bermakna sangat putih.
2. Kata sifat yang boleh dihiasi oleh kata penerangan . Contohnya: *bu jiao ao* (不骄傲) (tidak sombong), *bu cheng ken* (tidak jujur)
3. Kata sifat yang tidak boleh dihiasi kata keterangan. Contohnya: *xue bai*(雪白)(sangat putih), *bi zhi*(笔直) (sangat lurus), *bing leng*(冰冷) (sangat sejuk).
4. Boleh digunakan untuk menanyakan soalan, contohnya: *mei bu mei* (美不美) (cantik tidak cantik?), *gan bu gan jing* (干不干净) (bersih tidak bersih?)
5. Boleh tambah kata bantu, contohnya: *pang le* (胖了) (sudah gemuk).
6. Berfungsi sebagai kata penentu dan adverb. Contohnya: *yi zhen liang feng cui lai* (一阵凉风吹来) (Angin yang menyegarkan bertiup).

7. Berfungsi sebagai kata prediket, contohnya: *ta de yan jing mo hu le* (她的眼睛模糊了) (Mata dia menjadi kabur).
8. Berfungsi sebagai kata komplemen, contohnya: *wo de gu xiang hao de duo le* (我的故乡好得多了) (Kampung saya bertambah baik) .

Luo (1993:148-156)

Oleh sebab penyelidik melakukan kajian terhadap metafora kata sifat, maka adalah penting bagi penyelidik mengenalpasti kelas kata nama dan kata sifat. Menurut Luo (1993:148-156), untuk mengenalpasti kata nama dan kata sifat dalam bahasa Cina, adalah penting untuk mengetahui sifat-sifat dan juga keunikan kelas kata tersebut. Penyelidik selepas mengenalpasti kelas kata nama dan kata sifat, penyelidik mencari metafora dari kata nama dan kata sifat yang telah dikenalpasti.

2.6 KAJIAN MENGENAI METAFORA

Seorang penyelidik yang bernama Lwi (2004) telah melakukan kajian terhadap media cetak dan fokus kepada personifikasi. Personifikasi merupakan salah satu sub-tajuk dalam metafora. Lwi menyimpulkan bahawa unsur personifikasi yang terkandung dalam iklan cetak boleh dikategorikan kepada 3 iaitu:

1. Penggunaan personifikasi pada jenama produk.
2. Penggunaan personifikasi pada produk atau nama produk.
3. Penggunaan personifikasi pada aspek-aspek lain produk.

Kajian Lwi(2004) adalah satu laporan penyelidikan terhadap bahasa iklan cetak yang dikumpulkan dari akhbar bahasa Inggeris. Bahasa iklan cetak yang dikaji hanya terhad kepada jenis iklan mengenai penjualan produk elektrik dan elektronik sahaja.

Johari (2005) menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif untuk menjalankan kajian beliau. Kajian ini merupakan kajian jenis deskriptif. Sampel kajian beliau adalah 15 buah lagu Siti Norhaliza. Beliau telah menganalisis datanya dengan membahagikan makna lirik lagu kepada makna denotasi, makna metafora dan makna kiasan. Penyelidik pula hanya membahagikan makna sesuatu perkataan kepada makna metafora dan makna denotasi sahaja. Beliau menyimpulkan bahawa penggunaan metafora dan pengumpamaan memudahkan seseorang lebih memahami mesej yang hendak disampaikan melalui lirik lagu.

Ang (2006) telah melakukan kajian terhadap metafora yang wujud dalam lima kumpulan tatabahasa kata nama, kata kerja, kata sifat, kata depan dan juga kata keterangan, manakala penyelidik hanya fokus kepada metafora kata nama

dan metafora kata sifat sahaja. Pengumpulan mesej SMS yang dilakukan oleh Ang (2006) boleh dibahagi kepada 5 kumpulan juga iaitu:

1. Cinta
2. Persahabatan
3. Tanya khabar
4. Ucap selamat tinggal
5. Motivasi

Penggunaan metafora semakin meluas dalam kehidupan sehingga penggunaan SMS juga dipengaruhi oleh metafora. Ang (2006) telah mengkaji metafora secara keseluruhannya. Ang telah membincangkan pembahagian metafora yang dilakukan oleh beberapa linguist. Ang mengenalpasti penggunaan metafora, angka-angka dan emotikon dalam mesej SMS yang dihantar dalam bahasa Cina. Beliau melakukan kajian ini dengan mewujudkan soal kaji selidik.

2.7 KAJIAN MENGENAI CERPEN

Menurut Wang dan Xu (1985:1-4), cerpen bahasa Mandarin telah mengkayakan penulisan bagi kesusasteraan di China. Kelahiran bagi cerpen adalah bersesuaian dengan kehendak zaman moden kerana dalam kehidupan yang sibuk kini cerpen yang senang dibaca itu lebih sesuai bagi para pembaca. Wang dan Xu berpandangan bahawa bentuk cerpen paling awal wujud di China

dengan kehadiran karya Zhuang Zi (庄子) (S.M.369-286) yang telah menghasilkan sebuah karya yang bertajuk “Zhuang Zi. Wai Wu” (庄子.外物) pada zaman Chun Qiu (春秋) di China. Pada zaman Wei Jin Nan Bei Chao (魏晋南北朝), terdapat karya seperti “lie yi zhuan” (列子传) yang terdapat 240 perkataan sahaja. Buku ini menceritakan pertempuran antara manusia dengan hantu. Pada Dinasti Tang, cerita-cerita seperti “Huo Xiao Yu Zhuan” (霍小玉传) telah berjaya menghasilkan watak cerita yang jelas kepada pembaca. Pada Dinasti Song, terdapat “Liao Zhai Zhi Yi” (聊斋志异) yang mengumpulkan semua cerita pendek. Pada zaman era moden di China, Lu Xun (鲁迅) telah menulis “Kong Yi Ji” (孔乙己) yang jumlah perkataan hanya 2000, tetapi mengkritik sistem kerajaan yang kolot dan tertutup.

Di Malaysia, cerpen yang ditulis dalam bahasa Cina merupakan satu produk kesusasteraan yang baru pada zaman 80-an berbanding dengan karya kesusasteraan yang lain seperti cerita, novel dan fiksyen.

Terdapat 4 ciri umum bagi penulisan cerpen. Pertama, sesebuah cerpen mesti ditulis dalam lingkungan perkataan sebanyak 1500 perkataan. Kedua, pemilihan leksim mesti sangat tepat dan bersesuaian dengan makna yang ingin disampaikan oleh penulis supaya mesej penulis dapat diterangkan dengan sempurna dengan penggunaan jumlah perkataan yang paling minimum. Ketiga, cerpen juga memerlukan idea yang baru. Idea yang baru merujuk kepada cerpen yang membawa kesegaran kepada pembaca dan menyuntikkan unsur-unsur

ilmu pengetahuan yang unik tentang sesuatu bidang. Akhirnya, rangka bentuk cerpen seharusnya berada dalam keadaan tersusun dan teratur. Plot cerita, watak, masa dan tempat dalam cerpen mesti dibentuk dan direka dengan sempurna dan logik. Proses pembacaan akan menjadi lebih menarik. Kejutan selalu diberikan kepada pembaca selalunya pada penutup cerpen. Penutup cerita mesti berada di luar jangkaan pembaca, ini dapat memuaskan kepuasan pembaca para pembaca (Huang,1991:i).

Menurut Liu (1993:15), makna yang ingin dicapai melalui cerpen perlu memberi kesan yang sukar dilupai kepada pembaca. Tema bagi sesebuah cerpen adalah sangat penting dalam penulisan cerpen. Bahasa yang digunakan adalah bersifat kesenian maka, tema yang disalurkan melalui bahasa itu perlu mencantumkan makna yang mendalam serta berjaya mempersembahkan inti cerpen yang menyentuh hati pembaca.

Balu (2007) telah melakukan satu kajian tema terhadap karya bahasa Tamil *Puspaleevathy* . Balu menghayati dan meneliti tema-tema yang dihasilkan oleh *Puspaleevathy*. Cerpenis *Puspaleevathy* walaupun seorang yang hanya mempunyai tahap pendidikan sehingga sekolah rendah sahaja, cerpen-cerpen yang dihasilkan mendapat sambutan baik daripada pelbagai pihak. Cerpenis *Puspaleevathy* telah mendapat anugerah dalam peraduan penulisan cerpen yang dianjurkan oleh Persatuan Bahasa Tamil sebanyak 13 kali. Balu mengkaji tema-tema yang dihasilkan oleh *Puspaleevathy* dalam penulisan cerpen yang

didapati ini boleh dibahagikan kepada 16 kumpulan iaitu cinta, pendidikan, budaya, kesihatan, ketagihan filem dan drama, hak kerakyatan, perikemanusiaan, belia dan pembangunan, keluarga, kahwin campur, falsafah hidup, masalah wanita, pengorbanan ibu bapa, dadah, jimat cermat dan warga emas.

Seorang pengkaji lagi yang bernama Annadurai (2007) juga melakukan satu kajian atas tema yang lebih kurang sama dengan Balu. Kajiannya berfokus kepada khasnya cerpen-cerpen *Peravai Kathaikal* yang dihasilkan dalam tempoh 1986 hingga 2000. Kajian telah memilih sebanyak 189 cerpen untuk mengkaji.

Boleh dikatakan kedua-dua pengkaji ini berpendapat bahawa cerpen-cerpen yang dihasilkan oleh cerpenis atau penulis di Malaysia menggambarkan kehidupan masyarakat semasa negara ini.

Tema yang dikaji oleh pengkaji-pengkaji bagi kajian lepas menyentuh isu yang sama seperti apa yang terdapat kajian ini. Contohnya Balu (2007) membahagikan tema cerpen yang dikaji kepada 16 kumpulan iaitu :

1. Cinta
2. Pendidikan
3. Kepelbagaian budaya
4. Kesihatan
5. Ketagihan filem dan drama

6. Hak kerakyatan
7. Perikemanusiaan
8. Belia dan pembangunan
9. Keluarga
10. Kahwin campur
11. Falsafah hidup
12. Masalah wanita
13. Pengorbanan ibu bapa
14. Dadah
15. Jimat-cermat
16. Warga emas

Manakala Annadurai (2007) membahagi tema cerpen yang dikaji kepada 13 kumpulan sahaja iaitu:

1. Keluarga
2. Penceraian
3. Masalah sosial
4. Warga emas
5. Kemiskinan
6. Pendidikan
7. Kejiranan
8. Agama dan kepercayaan

9. Cinta

10. Kehidupan masyarakat India di ladang dan kemasukan orang India

11. Politik

12. Motivasi

13. Lain-lain

Maniyarasan (2007) telah melakukan satu kajian semantik dalam antologi *Peravaik Kataikal*. Hasil cerpen yang ditulis oleh Peravaik bagi tempoh 1986 hingga 2004 dijadikan sampel bagi kajiannya. Beliau melakukan kajian tentang kata pinjaman bahasa Malaysia dalam cerpen Tamil. Bahasa Malaysia merupakan bahasa kebangsaan bagi negara kita dan penggunaan bahasa Malaysia adalah sangat meluas ini telah mendorong kepada penggunaan kata pinjaman dalam penulisan cerpen bahasa Mandarin. Sebanyak 261 buah cerpen *Peravaik* yang ditulis dalam jangka masa tahun 1986 hingga tahun 2004 diambil untuk dikaji. Kajian ini terbahagi kepada 2 peringkat untuk menyempurnakan proses penyelidikan iaitu pengumpulan data dan pemprosesan data.

Menurut Liu (1998:31), penulisan cerpen semakin banyak mencerminkan ciri-ciri masyarakat dan cenderung kepada cara penulisan yang abstrak. Contohnya, cerpen yang ditulis oleh Nan Zi pada 1960-an (南子) dari Singapura. Liu menyatakan bahawa cerpen yang ditulis oleh Nan Zi (南子) yang bertajuk *Sebatang Mancis* (一根火柴) telah menunjukkan ciri-ciri

abstrak, seperti Nan Zi (南子) berkata dia berasa “percintaan itu bertaraf bangsawan” (我觉得爱情很贵族) (Liu:1998:33).

Menurut Ricoeur (1978:207) ikon dan imej memainkan peranan penting untuk menjana metafora. Maka imej watak dalam cerpen juga memainkan peranan penting di mana mereka direka untuk menghantar maksud metafora melalui karekter mereka dalam cerpen.

Terdapat 2 kajian lepas yang berkaitan dengan imej watak dalam cerpen. Ng (2002) melihat kepentingan kewujudan etnik lain dalam cerpen-cerpen Mahua. Beliau mengfokuskan titik kajian mengenai fungsi-fungsi cerpen yang dimainkan oleh watak etnik lain serta kepentingan peranan watak-watak tersebut dalam cerpen-cerpen Mahua. Hanya 137 buah cerpen diambil sebagai sampel kajian dan sebanyak 137 buah cerpen ini dikarya dalam tempoh masa 1970-1999. Beliau membincangkan kajian beliau dengan membahagikan cerpen-cerpen yang dikaji kepada 3 topik iaitu tema dan persoalan, watak dan hubungan etnik Melayu-Cina.

Ng (2002) telah melakukan kajian terhadap cerpen Mahua. Beliau memberikan banyak maklumat mengenai cerpen Mahua yang terdapat hanya di Malaysia dengan jelas. Perkembangan kesusasteraan bahasa Cina di Malaysia telah dicatat dengan jelas dan lengkap sekali dalam kajian Ng. Terdapat 3 prinsip pilihan cerpen kajian bagi beliau iaitu:

1. Karya cerpen yang dihasilkan oleh cerpenis Mahua tidak kira sama ada beliau berada di Malaysia atau di luar negara semasa mengkarya sesebuah cerpen. "Mahua" merujuk kepada orang Cina di Malaysia.
2. Cerpen-cerpen yang dijadikan pilihan teks kajian harus berlatarkan masyarakat tempatan dengan watak bukan Cina tanpa mengira ianya watak utama atau watak sampingan.
3. Tempoh masa cerpen dihasilkan ialah bermula dari tahun 1970 sehingga tahun 1999.

Manakala Premavathi (2005) melakukan kajian terhadap stereotaip watak wanita dalam cerpen bahasa Tamil. Beliau memilih 10 cerpen berbahasa Tamil untuk menjalankan kajian. 10 cerpen yang ditulis oleh 5 penulis lelaki dan 5 penulis wanita telah dipilih untuk kajian beliau. Tempoh masa bagi cerpen yang dihasilkan adalah pada tahun 1970 sehingga tahun 2003.

Selain dengan itu, terdapat lagi satu kajian yang agak sama dengan kajian yang dilakukan oleh penyelidik kajian ini. Fazilah (2004) juga melakukan kajian ke atas cerpen dan beliau mengkaji interpretasi makna figuratif manakala penyelidik bagi kajian ini mengkaji metafora kata nama dan kata sifat. Fazilah mengkaji cerpen yang dikumpulkan dalam cerpen *Bintang Di Langit Lain* sahaja. Cerpen-cerpen dalam buku ini berkaitan dengan perguruan. Hanya 3 unsur figuratif telah dikaji iaitu metafora, ironi dan hiperbola.

Kajian Fazilah mempunyai persamaan dengan kajian penyelidik. Fazilah (2004) bukan sahaja mengkaji metafora, ironi dan hiperbola yang terdapat dalam cerpen.

Metodologi beliau juga lebih kurang sama dengan penyelidik bagi kajian ini. Fazilah (2004) menjalankan kajian dengan kajian perpustakaan di mana maklumat dan data diperolehi melalui beberapa bentuk sumber seperti artikel, jurnal, monograf, tesis, buku-buku ilmiah. Kaedah yang kedua ialah pengumpulan data iaitu memilih ungkapan-ungkapan figuratif secara rambang kerana metafora, ironi dan hiperbola adalah bentuk yang paling ketara wujud dalam cerpen yang dipilih. Kaedah yang ketiga ialah menganalisis data. Beliau melakukan analisa data berdasarkan Teori semantik Sistem Penuh dan juga Teori Relevan yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1988).

Kebanyakan cerpen yang dikatakan sempurna disebabkan penggunaan metafora yang tepat dan sesuai. Metafora merupakan salah satu teknik penulisan yang digunakan oleh penulis untuk menyampaikan makna tersembunyi oleh karyanya. Penggunaan metafora yang bersesuaian dapat menjana keadaan yang sepadan dengan tema cerpen. Cerpen berkait rapat dengan metafora dan metafora pula berkait rapat dengan kata nama dan kata sifat.

2.8 KESIMPULAN

Dalam kajian ini pandangan yang dikemukakan oleh Hawkes(1972) diambil sebagai asas bagi penyelidikan ini. Pengelasan bagi metafora adalah mengikut cara kategori yang dicadangkan oleh Hawkes(1972) juga. Ini adalah disebabkan Hawkes(1972) merupakan linguist yang terpengaruh kepada perkembangan metafora dan buku metafora yang ditulis oleh beliau paling kerap dijadikan rujukan bagi para pengkaji dalam bidang ini.

Kajian-kajian silam yang dijadikan sebagai rujukan oleh penyelidik mempunyai kesamaan dan juga perbezaan dengan penyelidik. Contohnya kajian yang dilakukan oleh Doshi (1997) dan Ahmad (1998) adalah sama seperti penyelidikan yang dilakukan oleh penyelidik bagi kajian ini di mana satu kajian terhadap sebuah teks dilakukan. Penyelidikan ini adalah dikelaskan sebagai kajian deskriptif sama seperti kajian yang dilakukan oleh Doshi (1997) dan Ahmad (1998).

Terdapat kajian yang hampir serupa dengan penyelidikan ini iaitu kajian yang dilakukan oleh Fazilah (2004) di mana beliau juga melakukan kajian terhadap makna figuratif dalam cerpen. Penyelidik juga menggunakan ilmu dan teori pragmatik dan semantik berdasarkan konteks dalam buku cerpen yang dikaji. Ini adalah salah satu kesamaan kedua-dua penyelidikan ini. Selain itu, terdapat juga kajian yang mengkaji metafora seperti kajian yang dilakukan oleh

Johari (2004) dan kajian yang dilakukan oleh Ang (2006). Sasaran kajian kedua-dua penyelidikan ini adalah berbeza dengan kajian penyelidikan. Johari (2004) bertujuan untuk mengkaji perwujudan gaya bahasa metafora dan pengumpamaan yang digunakan dalam lirik-lirik lagu Siti Norhaliza manakala Ang (2006) menganalisis jenis data SMS yang melibatkan penggunaan metafora dalam mesej golongan remaja.

Johari (2004) juga mengkaji metafora tetapi beliau fokus kepada bahasa iklan cetak dan penyelidik fokus kepada sebuah buku cerpen. Penyelidik mengkaji metafora kata nama dan kata sifat Johari (2004) mengkaji unsur kewujudan, peranan dan kategori personifikasi dalam bahasa iklan cetak. Beliau menerangkan unsur personifikasi yang dikandungi oleh bahasa iklan bercetak dan memandu pembaca menghayati dan memahami unsur personifikasi yang terdapat dalam bahasa iklan tersebut.

Cerpen merupakan satu genre baru yang kerap dijadikan sampel untuk dikaji oleh penyelidik. Balu (2007) , Annadurai (2007), Maniyarasan(2007) , Ng (2002) telah melakukan penyelidikan terhadap cerpen. Keempat-empat penyelidik ini meninjau aspek cerpen yang tidak sama. Ng melakukan penyelidikan terhadap kepentingan kewujudan etnik lain dalam cerpen-cerpen Mahua, Maniyarasan (2007) melakukan kajian aspek kata pinjaman bahasa Melayu dalam bahasa Tamil dalam antologi *Perovaik Kataikal* manakala Annadurai (2007) pula mengkaji tema cerpen.

Akhir kata, sorotan kajian yang dirujuk mempunyai beberapa kesamaan dengan penyelidikan ini. Persamaan ini boleh ditinjau dari segi bentuk kajian yang dilakukan, metodologi kajian yang dipilih dan juga struktur atau pembahagian dalam penyelidikan ini. Soratan kajian yang dirujuk merupakan jenis kajian deskriptif. Kajian deskriptif merujuk kepada kajian yang dilakukan terhadap satu teks atau satu buku.

Metodologi kajian yang dipilih juga hampir sama iaitu melalui cara triangulasi. Kaedah triangulasi ini ialah cara yang melibatkan gabungan beberapa metod dalam penyelidikan. Contohnya dalam kajian ini, penyelidik menggunakan temubual, kajian perpustakaan dan juga pendekatan kualitatif dan kuantitatif untuk menganalisis data. Kajian-kajian silam yang dibaca dan dirujuk telah banyak memberi idea kepada penyelidik semasa menjalankan kajian.